

# Zuraida masih belum jawab

- Surat tunjuk sebab dikeluarkan Lembaga Disiplin PKR

Oleh RAIHAM MOHD SANUSI

PUTRAJAYA

**N**aib Presiden Parti Keadilan Rakyat (PKR), Zuraida Kamaruddin masih belum menjawab surat tunjuk sebab yang dikeluarkan Lembaga Disiplin parti itu kepada beliau atas dakwaan salah laku disiplin.

Setiausaha Agung PKR, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, surat yang dikeluarkan secara peribadi berhubung perkara sama juga belum dibalas Ahli Parlimen Ampang itu.

Menurutnya, surat atas kapasiti peribadi itu dihantar kerana ucapan Zuraida pada satu majlis makan malam di Kuala Lumpur pada Disember lalu berunsur fitnah terhadapnya.

“Selain surat jawatankuasa disiplin kepada Zuraida, saya juga ada hantar sepucuk lagi surat kepadanya.

“Itu bukan surat parti tapi ia surat saya kepadanya kerana ucapan beliau pada malam itu



Saifuddin (tiga dari kiri) menandatangani plak kempen tiada surat sokongan bagi membanteras rasuah selepas menyampaikan Ucputama dan Amanat 2020 di Putrajaya semalam.

mengandungi unsur fitnah dan tuduhan kepada saya. Saya telah minta peguam saya hantar surat itu kepadanya,” katanya.

Saifuddin yang juga Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna berkata demikian selepas menyampaikan ucputama dan amanat 2020 kepada warga kementerian di Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna di sini semalam.

Zuraida diberikan tempoh selama 14 hari bagi menjawab surat tunjuk sebab yang dikeluarkan pada 17 Januari lalu.

Lembaga Disiplin PKR dilaporkan memulakan siasatan laporan salah laku membabitkan ahli dan pemimpin kanan parti termasuk Zuraida yang dipercayai berkait dengan insiden ketika dan selepas Kongres Nasional PKR 2019 di Melaka pada Disember lalu.

Zuraida dan Timbalan Presiden PKR, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali adalah antara pemimpin yang dikatakan memboikot hari terakhir kongres namun mengadakan satu majlis makan malam di Kuala Lumpur pada hari yang sama.